

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**KUMPULAN
PELAKSANA**



**PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN GRED DG29
(BAHASA MELAYU)**

**JABATAN AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Kekosongan : 8

Simpanan : 8

1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) diploma dalam bidang perguruan daripada institusi perguruan tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) diploma dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- | | |
|-------------------------------------|---|
| (a) Pendidikan (Bahasa Melayu); | (f) Kesusasteraan Melayu; |
| (b) Bahasa dan Linguistik Melayu; | (g) Pendidikan (Kesusasteraan Melayu); |
| (c) Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu; | (h) Sastera (Pengajian Bahasa Melayu); atau |
| (d) Bahasa Melayu; | (i) Bahasa Malaysia dan Matematik. |
| (e) Bahasa Melayu dan Kewartawanan; | |

4. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan sijil/ diploma yang telah diiktiraf oleh Senat Universiti/ Jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **17 Mei 2021 (Isnin), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia.gov



spa.malaysia



SPAJPM